



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KEBERKESANAN KAEDEAH ANALISIS FITUR DALAM MENAMBAH KOSA KATA MURID TAMIL TAHUN DUA



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

NORATIKAH BINTI ABIDIN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2021



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KEBERKESANAN KAEDAH ANALISIS FITUR DALAM MENAMBAH KOSA KATA MURID TAMIL TAHUN DUA

NORATIKAH BINTI ABIDIN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN BAHASA MELAYU
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2021



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**Sila tanda (\)**

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

/

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada **13** (hari bulan) **OGOS** (bulan) **2021**

i. Perakuan pelajar :

Saya, **NORATIKAH BINTI ABIDIN** dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk **KEBERKESANAN KADEAH ANALISIS FITUR DALAM MENAMBAH KOSA KATA MURID TAMIL TAHUN DUA** adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya.



Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, **PROFESOR MADYA DR. DAHLIA BINTI JANAN** dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk **KEBERKESANAN KADEAH ANALISIS FITUR DALAM MENAMBAH KOSA KATA MURID TAMIL TAHUN DUA** dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah **SARJANA PENDIDIKAN BAHASA MELAYU**.

Tarikh

Tandatangan Penyelia





**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: KEBERKESANAN KAEDAH ANALISIS FITUR DALAM
MENAMBAH KOSA KATA MURID TAMIL TAHUN DUA.

No. Matrik / Matric's No.: M20142001367

Saya / I : NORATIKAH BINTI ABIDIN

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor
& (Nama & Cop Rasm / Name & Official Stamp)

Tarikh: _____

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah dan setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan kehadrat ilahi kerana dengan izin kurnianya dapat saya menyempurnakan kajian ini dengan baik.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada penyelia saya, iaitu Profesor Madya Dr. Dahlia Janan yang sentiasa memberi tunjuk ajar, nasihat, panduan, pandangan dan semangat untuk saya menyiapkan kajian ini. Banyak yang telah saya pelajari sepanjang di bawah penyelia beliau. Tidak lupa juga kepada pensyarah Fakulti Bahasa dan Komunikasi yang sudi berkongsi pandangan dan memberi semangat kepada saya.

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada ayah dan ibu saya yang tersayang, iaitu Abidin bin Dahalan dan Hasmah binti Bidin yang sentiasa mendoakan kejayaan saya. Arwah ayah mentua dan ibu mentua yang sangat memahami Mohamad Khalid bin Abu Samah dan Nor'Bani bin Mohd Yusof. Tidak dilupakan juga kepada suami tercinta Mohamad Sufian bin Mohamad Khalid yang sering memberi sokongan dan dorongan kepada saya dalam menyiapkan kajian ini. Jutaan terima kasih juga kepada adik-beradik saya dan juga anak saudara saya iaitu Nur Syahirah Zaini binti Zainal Sh Zaini yang banyak berkongsi idea dan pendapat kepada saya. Sesungguhnya saya amat menyayangi kalian.

Akhir kalam, tidak dilupa juga kepada rakan-rakan seperjuangan yang sentiasa membantu dan berkongsi idea dalam menyiapkan kajian ini. Ucapan ini juga ditujukan kepada semua pihak yang telah terlibat dalam menjayakan kajian ini sama ada secara langsung atau tidak langsung. Segala bantuan yang telah kalian hulurkan amatlah saya hargai kerana tanpa bantuan dan sokongan kalian kajian ini mungkin tidak dapat dilaksanakan dengan baik. Hanya Allah sahaja yang dapat membalias jasa baik kalian.





ABSTRAK

Kajian ini adalah bertujuan untuk meneroka keberkesanan kaedah analisis fitur dalam menambahkan kosa kata Bahasa Melayu murid tahun dua sekolah Tamil. Kaedah kajian yang telah digunakan ialah kuasi eksperimental. Responden kajian ini terdiri daripada 60 orang murid perempuan. Hasil kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan iaitu, $p=0.255$ dalam pencapaian ujian pra antara kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan. Ini menunjukkan kedua-dua kumpulan boleh dikatakan setara dalam membina ayat sebelum kajian dilakukan. Keputusan kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan iaitu ($t = -6.780$, $df = 58$, $p < 0.05$) bagi pencapaian ujian pasca antara kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan. Dapatkan kajian seterusnya menunjukkan bahawa jumlah kosa kata kumpulan kawalan meningkat dengan kadar yang rendah iaitu, 359 patah perkataan dalam ujian pra dan 496 patah perkataan dalam ujian pasca. Dapatkan juga menunjukkan peningkatan kosa kata yang tinggi bagi kumpulan rawatan dengan 372 patah perkataan dalam ujian pra dan 1463 patah perkataan dalam ujian pasca. Berdasarkan dapatkan perbezaan min ujian pra dan pasca serta perbezaan jumlah kosa kata dalam ujian pra dan pasca bagi kumpulan rawatan, kaedah analisis fitur meningkatkan kosa kata murid. Kesimpulannya, kajian ini menunjukkan keberkesanan kaedah analisis fitur dalam menambahkan kosa kata murid. Implikasinya kaedah analisis fitur sebaiknya digunakan sebagai kaedah pengajaran bagi sekolah jenis kebangsaan.





EFFECTIVENESS OF FITUR ANALYSIS METHOD IN INCREASING THE VOCABULARY OF YEAR TWO TAMIL STUDENTS

ABSTRACT

This study aims to explore the effectiveness of analysis features method in increasing Malay vocabulary among Year Two Tamil Students. The research method that has been used is quasi -experimental. The respondents of this study consisted of 60 female students. The results showed that there was no significant relationship $p = 0.255$ in pre -test between the control group and the treatment group. This suggests the two groups were arguably equivalent in constructing sentences before the study was conducted. The results of the study showed that there was a significant difference ($t = -6.780$, $df = 58$, $p < 0.05$) for post -test between the control group and the treatment group. Next, the findings showed that the total vocabulary of the control group increased gradually of 359 words in the pre -test and 496 words in the post -test. The findings also showed significant increase in vocabulary for the treatment group with 372 words in the pre -test and 1463 words in the post -test. Based on the findings of the mean difference of pre and post test as well as the difference of total vocabulary in pre and post test for the treatment group, it shows the effectiveness of feature analysis method to improved student's vocabulary. In conclusion, this study demonstrates the effectiveness of feature analysis method in increasing student's vocabulary. The implication of feature analysis method should be used as a teaching method for vernacular school.





KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
------------------------------------	----

BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/LAPORAN KERTAS PROJEK	iii
---	-----

PENGHARGAAN	iv
--------------------	----

ABSTRAK	v
----------------	---

ABSTRACT	vi
-----------------	----



SENARAI JADUAL	xiii
-----------------------	------

SENARAI RAJAH	xv
----------------------	----

SENARAI SINGKATAN	xvi
--------------------------	-----

SENARAI LAMPIRAN	xvii
-------------------------	------

BAB 1 PENDAHULUAN	1
--------------------------	---

1.1 Pengenalan	1
----------------	---

1.2 Latar Belakang	3
--------------------	---

1.3 Penyataan Masalah	7
-----------------------	---

1.4 Objektif Kajian	10
---------------------	----

1.5 Soalan Kajian	11
-------------------	----





1.6	Hipotesis Kajian	11
1.7	Kepentingan Kajian	12
1.7.1	Murid	12
1.7.2	Guru	12
1.7.3	PPD	13
1.8	Batasan Kajian	13
1.9	Definisi Operasional	15
1.9.1	Analisis Fitur	15
1.9.2	Kosa Kata	16
1.9.3	Murid Tamil	17
1.10	Kesimpulan	18



BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	19
2.2	Teori Pemerolehan Bahasa Kedua	19
2.2.1	Penggunaan Input (<i>Apperceived Input</i>)	22
2.2.2	Kefahaman Input (<i>Comprehended Input</i>)	23
2.2.3	Pengambilan (<i>Intake</i>)	25
2.2.4	Integrasi (<i>Integration</i>)	26
2.2.5	Dapatan (<i>Output</i>)	28
2.3	Kerangka Teori Sandaran (Teori Pemerolehan Bahasa Kedua Gass & Selinker 1998)	29
2.4	Definisi Kosa Kata	31
2.4.1	Jenis-Jenis Kosa Kata	32





2.5	Kajian-Kajian Tentang Kosa Kata	35
2.6	Kaedah Pengajaran Kosa Kata	37
2.7	Definisi Analisis Fitur	45
2.7.1	Kepentingan penggunaan Kaedah Analisis Fitur	51
2.8	Kesimpulan	53
BAB 3	METODOLOGI	54
3.1	Pengenalan	54
3.2	Reka Bentuk Kajian	55
3.3	Sampel Kajian	57
3.4	Lokasi Kajian	58
3.5	Alat Kajian	59
3.5.1	Set Ujian Pra dan Ujian Pasca bagi Kaedah Analisis Fitur	59
3.5.2	Perisian AntConc	60
3.5.3	Borang Soal Selidik	60
3.6	Kesahan dan Kebolehpercayaan	61
3.6.1	Kesahan Kandungan Instrumen	61
3.6.2	Kebolehpercayaan	63
3.7	Prosedur Pengumpulan Data	65
3.8	Kaedah Penganalisan Data	66
3.8.1	Analisis Deskriptif	67
3.8.1.1	Kekerapan dan Peratusan, Min dan Sisihan Piawai	67





3.8.2	Analisis Statistik Inferensi	68
3.8.2.1	Ujian <i>t</i>	68
3.8.2.2	Analisis Korelasi Pearson	68
3.9	Cara Penganalisisan Data	69
3.9.1	Analisis data untuk bina ayat berdasarkan gambar tunggal	69
3.9.2	Soal Selidik	70
3.10	Kesimpulan	70
BAB 4	DAPATAN KAJIAN	71
4.1	Pengenalan	71
4.2	Demografi Responden	71
4.3	Hasil Dapatan Kajian	72
4.3.1	Mengenal pasti keberkesanan kaedah analisis fitur dalam menambah kosa kata murid.	72
4.3.2	Soalan kajian 1 : Apakah tahap keberkesanan kaedah analisis fitur dalam menambah kosa kata murid.	73
4.3.2.1	Tidak terdapat hubungan yang signifikan pencapaian ujian pra antara kumpulan kawalan yang menjalani pengajaran tradisional dan kumpulan rawatan yang menggunakan kaedah analisis fitur.	74
4.3.2.2	Tidak terdapat hubungan yang signifikan pencapaian ujian pra dan ujian pasca dalam kumpulan kawalan yang menggunakan pengajaran tradisional.	75
4.3.2.3	Tidak terdapat hubungan yang signifikan pencapaian ujian pra dan ujian pasca dalam kumpulan rawatan yang melalui pengajaran kaedah analisis fitur.	76





4.3.2.4 Tidak terdapat hubungan yang signifikan pencapaian ujian pasca antara kumpulan kawalan yang menjalani pengajaran tradisional dan kumpulan rawatan yang menggunakan kaedah analisis fitur.	77
4.4 Jenis kosa kata murid dalam kumpulan yang mengikuti pengajaran kaedah tradisional dan kaedah analisis fitur.	78
4.4.1 Senarai jenis kata murid dalam kumpulan yang mengikuti pengajaran kaedah tradisional dan kaedah analisis fitur.	80
4.5 Persepsi murid Tamil Tahun 2 terhadap pengajaran menggunakan kaedah analisis fitur	85
4.6 Kesimpulan	86
BAB 5 RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN	88
5.1 Pengenalan	88
5.2 Rumusan Dapatan Kajian	90
Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah	
5.3 Perbincangan Hasil Kajian	92
5.3.1 Keberkesanan Kaedah Analisis Fitur Dalam Menambah Kosa Kata Murid	93
5.3.2 Jenis Kosa Kata murid dalam kumpulan yang mengikuti pengajaran kaedah tradisional dan kaedah analisis fitur.	102
5.3.2.1 Senarai Jenis kata murid dalam kumpulan yang mengikuti pengajaran kaedah tradisional dan kaedah analisis fitur.	104
5.3.3 Persepsi murid Tamil Tahun 2 terhadap pengajaran menggunakan kaedah analisis fitur.	105
5.4 Implikasi Kajian	106
5.5 Cadangan Kajian Lanjutan	109
5.6 Kesimpulan	111





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

xii

RUJUKAN

113

LAMPIRAN

120



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
3.1 Bilangan dan Peratus Murid	58
3.2 Kesahan Instrumen Melalui Pakar Rujukan	62
3.3 Prosedur kebolehpercayaan Data	63
3.4 Nilai pekali kebolehpercayaan	64
3.5 Interpretasi Kekuatan Hubungan	69
4.1 Taburan Sampel Responden	72
4.2 Keputusan ujian t untuk sampel bebas bagi ujian pra antara kumpulan kawalan dan rawatan	74
4.3 Ujian t pengukuran berulangan	75
4.4 Ujian t Pengukuran Berulang	76
4.5 Keputusan ujian t bagi ujian pasca antara kumpulan kawalan dan rawatan	77
4.6 Jumlah kekerapan kosa kata dalam kumpulan	78
4.7 Jenis kosa kata mengikut kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan	79
4.8 Senarai Penambahan Kosa Kata Nama	81
4.9 Senarai Kosa Kata Kerja	82
4.10 Senarai Kosa Kata Adjektif	83
4.11 Senarai Kosa Kata Tugas	84





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

xiv

4.12 Persepsi murid tahun 2 terhadap pengajaran menggunakan kaedah analisis fitur.

85



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
2.1 Model Pemerolehan Bahasa Kedua Gass & Selinker (1998)	21
2.2 Kerangka Teori Sandaran daripada Teori Pemerolehan Bahasa Gass & Selingker	30
2.3 Ilustrasi Kaedah Analisis Fitur	49
3.1 Kebolehpercayaan Pemeriksa	64
3.2 Reka bentuk prosedur pengumpulan data antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan.	65
3.3 Kaedah Penganalisisan Data	66
4.1 Persepsi Murid Tahun 2 Terhadap Pengajaran Menggunakan Kaedah Analisis Fitur.	85
5.1 Ilustrasi Kotak Analisis Fitur.	95





SENARAI SINGKATAN

KBSM	Kerangka Standard Bahasa Melayu
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
DSKP	Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran
KBAT	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
UPM	Universiti Putra Malaysia
UPSR	Ujian Pencapaian Sekolah Rendah
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
SJKT	Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil
SPSS	Statistical Package For Social Science
BBM	Bahan Bantu Mengajar
PAK 21	Pendidikan Alaf Ke-21





SENARAI LAMPIRAN

- A Objektif Dskp Bahasa Melayu Tahun 2
- B Soalan Murid
- C Insrumen Analisis Fitur
- D Borang Soal Selidik
- E Skema Pemarkahan
- F Markah Ujian Pra Dan Pasca Kumpulan Kawalan
- G Markah Ujian Pra Dan Pasca Kumpulan Rawatan
- H Senarai Kosa Kata Ujian Pra Kumpulan Kawalan
- I Senarai Kosa Kata Ujian Pasca Kumpulan Kawalan
- J Senarai Kosa Kata Ujian Pra Kumpulan Rawatan
- K Senarai Kosa Kata Ujian Pasca Kumpulan Rawatan
- L Senarai Jenis Kosa Kata Nama
- M Senarai Jenis Kosa Kata Kerja
- N Senarai Jenis Kosa Kata Adjektif
- O Senarai Jenis Kosa Kata Tugas





BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bahasa Melayu merupakan bahasa rasmi negara Malaysia. Dalam perkara 152, Perlembagaan memperuntukkan bahawa bahasa kebangsaan di Malaysia ialah bahasa Melayu. Semua rakyat Malaysia menerima bahawa bahasa Melayu merupakan bahasa untuk semua kaum di negara ini. Ini selaras dengan hasrat Mantan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi semasa Kongres Kerangka Standard Bahasa Melayu (KSBM) (Utusan Malaysia, 2017) untuk meningkatkan penguasaan bahasa Melayu khususnya dalam kalangan warga negara ini sekali gus memartabatkan bahasa Melayu di persada dunia. Hal ini kerana cabaran yang dihadapi adalah kerana sikap masyarakat negara ini yang memandang rendah dengan penggunaan bahasa Melayu di samping sikap pesimistik dan enggan menerima pembaharuan dalam penilaian tahap berbahasa mereka.





Selaras dengan ini, Kementerian Pelajaran Malaysia juga telah menggariskan enam ciri utama yang perlu ada bagi setiap murid supaya dapat bersaing di peringkat global yang telah dimuatkan di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM, 2013-2025). Salah satunya ialah kemahiran dwibahasa. Setiap murid akan menguasai bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa Inggeris sebagai bahasa komunikasi antarabangsa. Hal ini dapat menyiapkan murid dalam persekitaran kerja setelah mereka tamat persekolahan.

Bahasa juga merupakan antara medium yang cukup penting dalam menyampaikan perasaan, pandangan dan mesej dengan sempurna kepada orang lain. Peranan bahasa dapat dikembangkan lagi sewaktu manusia melakukan aktiviti sehari-hari seperti bercakap, mendengar, membaca dan menulis yang dapat dilihat sebagai suatu bentuk kehidupan. Dalam hal ini, aspek kosa kata merupakan unsur yang penting bagi pengguna bahasa apabila berkomunikasi. Dalam hal ini, Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) telah menyatakan penguasaan kosa kata perlu ditingkatkan agar murid dapat mengungkap maklumat serta buah fikiran selaras dengan penambahan ilmu dalam mata pelajaran yang dipelajari pada peringkat sekolah rendah. (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2013).

Justeru sesetengah pengkaji berpendapat bahawa sikap yang positif dan persepsi yang tinggi terhadap bahasa iaitu bahasa Melayu perlu dipupuk supaya setiap individu yakin terhadap kemampuan bahasa Melayu sebagai bahasa perpaduan dan bahasa ilmu di Malaysia. Oleh itu, pendekatan terhadap bahasa Melayu harus dititikberatkan dari peringkat awal kanak-kanak lagi bagi memastikan kanak-kanak dapat menggunakan bahasa dengan berkesan dalam kehidupan sehari-hari mereka.





1.2 Latar Belakang

Sejak permulaan abad ke-19, orang-orang India telah datang dan menetap di negara Malaysia. Oleh yang demikian, pendidikan dan sekolah Tamil di Malaysia mula berkembang. Laporan Razak telah memberi impak yang positif terhadap perkembangan pendidikan sekolah Tamil di Malaysia. Kandungan Laporan Razak telah dijadikan sebagai Ordinan Pendidikan oleh kerajaan Malaysia pada tahun 1957. Menurut Laporan Razak semua sekolah vernakular di Tanah Melayu telah digabungkan dalam satu sistem pendidikan kebangsaan dan laporan ini turut memberi perhatian kepada pandangan golongan. Tambahan pula, melalui pelaksanaan Laporan Razak, kurikulum sekolah Tamil diseragamkan dengan kurikulum sekolah rendah kebangsaan serta mengekalkan bahasa ibunda iaitu bahasa Tamil manakala Bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan diwajibkan untuk semua aliran sekolah.



Pada tahun 1982, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menyeragamkan pelaksanaan pendidikan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar rasmi dalam sistem persekolahan yang menjadikan penggunaan bahasa Melayu sangat penting kepada semua murid. Melalui dasar ini, semua murid harus menduduki peperiksaan dengan menggunakan bahasa Melayu. Lantaran itu, semua murid secara teorinya harus menguasai bahasa Melayu dengan baik.

Berdasarkan surat pekeliling ikhtisas bilangan 17 tahun 2010, pengajaran Bahasa Malaysia di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil yang mana memperuntukkan guru yang berpotensi mengajar mata pelajaran Bahasa Malaysia Tahun Satu dan Tahun Dua di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil hendaklah terdiri daripada mereka yang boleh



bertutur dalam dwibahasa dan mempunyai kredit dalam Bahasa Malaysia di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia.

Di negeri Perak terdapat 134 buah Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil. Selain itu, mata pelajaran Bahasa Melayu di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil memperuntukkan minimum 160 jam setahun bagi tahap satu manakala 128 jam setahun bagi tahap dua. Hal ini menunjukkan peruntukkan masa bagi tahap satu lebih banyak berbanding tahap dua manakala di dalam buku teks bahasa Malaysia telah menetapkan sebanyak sepuluh tema.

Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang dilaksanakan secara berperingkat mulai tahun 2011 telah di semak semula bagi memenuhi dasar baharu di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 agar kualiti kurikulum yang dilaksanakan di sekolah rendah setanding dengan standard antarabangsa. Kurikulum berasaskan standard yang menjadi amalan antarabangsa telah dijelmakan dalam KSSR menerusi penggubalan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) untuk semua mata pelajaran yang mengandungi Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi.

Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) semakan 2017, yang dihasilkan telah menyepadukan enam tunjang Kerangka KSSR, mengintegrasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai, serta memasukkan secara eksplisit Kemahiran Abad Ke-21 dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Penyepaduan tersebut dilakukan untuk melahirkan insan seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani sebagaimana tuntutan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Standard Kurikulum Bahasa Melayu Sekolah Rendah digubal untuk membolehkan murid berketerampilan



dalam berbahasa dan boleh berkomunikasi untuk memenuhi keperluan diri, memperoleh ilmu pengetahuan, kemahiran, maklumat, nilai dan idea serta hubungan sosial dalam kehidupan harian. Kurikulum Standard Sekolah Rendah mata pelajaran Bahasa Melayu Tahun 2 bertujuan membolehkan murid mencapai objektif seperti di Lampiran A.

Berdasarkan objektif dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Prestasi tahun 2, terdapat enam objektif yang telah dihitamkan yang menerangkan tentang penggunaan kosa kata yang betul. Ini menunjukkan penggunaan kosa kata sangat penting. Menurut Laufer (2003), penguasaan kosa kata yang mendalam dan meluas amat penting kepada pelajar dalam membantu mereka untuk membaca dengan pantas serta memudahkan proses mereka meneka maksud perkataan baharu dari segi konteks.



Buku teks dan bahan bercetak di sekolah merupakan sumber bahan utama kepada penutur bahasa kedua untuk membantu mereka lebih menguasai kosa kata bahasa Melayu. Oleh itu, peranan sekolah dan guru sangat penting untuk memastikan keberkesanan pengetahuan kosa kata dalam kalangan pelajar dengan menetapkan kaedah pembelajaran, pemilihan tajuk, bahan bacaan dan aktiviti dalam buku teks dan buku latihan.

Di samping itu, pelbagai sumber yang didedahkan kepada pelajar amatlah penting seperti aktiviti di dalam bilik darjah dalam memastikan keberkesanan dalam penggunaan kosa kata yang meliputi pengaplikasian dalam penggunaan bahasa dalam pelbagai konteks serta melahirkan murid yang mempunyai tahap pemikiran yang tinggi. Peranan guru yang mengajar kelas tahap satu juga penting dalam menggalakkan





pelajar untuk memperkayakan penggunaan kosa kata dalam penulisan mereka supaya pelajar dapat menguasai kosa kata yang meluas.

Hal ini kerana kosa kata dalam bahasa Melayu mempunyai banyak makna, maka pelajar digalakkan untuk membaca dan mempelbagaikan kosa kata mereka. Guru perlu mengajar pelajar untuk memilih kata dan idea dengan lebih teliti agar penulisan mereka dapat difahami oleh semua pembaca. Dengan meningkatkan penguasaan kosa kata yang pelbagai ia dapat memberi pengetahuan kepada pelajar serta dapat membantu mereka mengetahui konsep-konsep asas yang penting.

Bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan di Malaysia. Walau bagaimana pun, Malaysia terkenal dengan rakyatnya yang terdiri daripada pelbagai kaum. Sebahagian daripada penduduknya menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pertama ataupun bahasa ibunda manakala sebahagian lagi menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Inilah terjadi kepada murid Tamil yang merupakan kaum yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Hal ini kerana orang Tamil yang tiba di negara ini setelah sekian lama mempunyai bahasa ibunda mereka sendiri yang jelas berbeza daripada bahasa Melayu. Oleh itu, pembelajaran bahasa kedua dalam kalangan murid Tamil menunjukkan keputusan yang tidak memberangsangkan.

Hal ini dapat dilihat melalui keputusan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) berdasarkan Profesor Madya Dr. Vijayaletchumy Subramaniam (Disember 2017) bagi mata pelajaran bahasa Melayu dalam kalangan murid Tamil menunjukkan kemerosotan. Hal ini kerana mengikut kajian Jumiya (2014) terdapat beberapa faktor yang menjadi kekangan dalam pembelajaran bahasa kedua iaitu murid sukar memahami sebutan guru sewaktu sesi pembelajaran kosa kata. Selain daripada itu murid masih



tidak mengena huruf yang menyebabkan proses pembelajaran bahasa menjadi sukar. Tambahan pula, faktor lain yang menjadi kekangan kepada proses pembelajaran bahasa kedua ialah pengaruh bahasa ibunda, sikap murid dan ibu bapa, identiti diri, perbezaan budaya, ekonomi, gaya pembelajaran dan pengajaran serta hubungan guru dan murid.

Kesimpulannya, kajian terhadap keberkesanan analisis fitur dalam pembelajaran bahasa kedua perlu dijalankan kerana kaedah yang tepat dapat membantu murid Tamil mempelajari bahasa Melayu melalui penambahan kosa kata yang meluas.

1.3 Penyataan Masalah



Penguasaan kosa kata murid Tamil masih di tahap yang rendah. Hal ini menjadi masalah kepada mereka untuk menulis ayat dengan baik. Terdapat beberapa kajian yang berkaitan dengan penggunaan kosa kata murid.

Menurut Pensyarah Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi Universiti Putra Malaysia (UPM) Profesor Madya Dr. Vijayaletchumy Subramaniam (Disember 2017) Pelajar sekolah vernakular khususnya sekolah Tamil tidak mampu berbahasa Melayu dan keputusan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) kian merosot dalam jangka masa lima tahun walaupun bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan. Maka kajian rintis dijalankan dalam kalangan 1,500 murid cemerlang dari sekolah Tamil di Selangor dari tahun 2010 hingga 2015 untuk mengenal pasti punca kemerosotan UPSR. Hasil kajian mendapati majoriti para murid



mencapai kurang daripada 40 peratus penguasaan dalam Bahasa Melayu, sekali gus membuktikan kekurangan transformasi ilmu, dan sudah pasti kekurangan guru bahasa Melayu menurunkan ilmu kepada murid juga diteliti. Dengan ini beliau telah mencetuskan idea untuk menghasilkan buku panduan kosa kata bahasa Melayu untuk memantapkan penguasaan bahasa Melayu murid sekolah Tamil.

Terdapat beberapa permasalahan dalam penguasaan bahasa Melayu antaranya adalah kelemahan murid dalam menguasai kosa kata. Hal ini memberi kesan yang negatif kepada murid untuk menguasai bahasa Melayu terutamanya dalam kecekapan berbahasa dan juga dalam pencapaian peperiksaan. Menurut Vijayalethchumi et al, (2014), kajian tentang penguasaan kosa kata bahasa Melayu sekolah rendah masih tidak banyak dijalankan oleh penyelidik. Kajian yang biasanya hanya berkaitan dengan kajian terhadap murid disleksia sahaja.



Selain itu, menurut Soosai, A (2006) dalam kajiannya yang melibatkan gangguan bahasa pertama dalam pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dalam kalangan murid-murid India mendapat bahawa terdapat beberapa aspek yang menyebabkan mereka dipengaruhi dengan bahasa ibunda yang menyebabkan mereka berasa keliru dan sukar untuk mempelajari bahasa kedua iaitu bahasa Melayu. Manakala menurut McKeown & Beek, (2004); Nation (2001) dan McCarthy (1992), dalam kajian pemerolehan kosa kata bagi penutur jati menyatakan bahawa semua perkataan mempunyai nilai dan tahap keutamaan yang sama, namun dalam bidang pemerolehan bahasa kedua yang berasaskan frekuensi hanya sebahagian perkataan sahaja dibuktikan mempunyai nilai penggunaan yang tinggi berbanding perkataan-perkataan lain



Selain itu terdapat beberapa kajian tentang kaedah yang digunakan untuk menguasai kosa kata. Menurut kajian Ilangko Subramaniam (2014), yang telah menggunakan kaedah aktiviti permainan bahasa, wahana penguasaan kosa kata. Permainan bahasa yang dikenali sebagai “Jom Cari Kosa Kata” yang telah dijalankan dalam kalangan murid-murid tingkatan 4. Selain itu, kajian Nurul Aminah Bashruddin & Hasnah Mohamad (2015), berkaitan dengan kamus dan peranannya dalam meningkatkan minat kanak-kanak mempelajari bahasa. Selain itu, kajian Nurliya Febrisma tentang upaya meningkatkan kosa kata melalui kaedah main peranan kepada anak Tunagrahita Ringan (PTK Kelas DV di SLB Kartini Batam).

Hal ini menjelaskan kajian-kajian yang telah dijalankan hanya meliputi kaedah dan teknik seperti permainan bahasa, penggunaan kamus untuk meningkatkan minat murid sahaja. Namun belum ada kajian tentang analisis fitur yang dilaksanakan di Malaysia, sedangkan kajian analisis fitur telah menunjukkan kejayaan di luar negara melalui kajian National Center on Intensive Intervention: Semantic Feature Analysis (2017). Dalam kajian, Rider, D.J, Wright H.H (2008) mereka telah menggunakan analisis ciri semantik untuk meningkatkan wacana kontekstual pada orang dewasa dengan aphasia.

Antara kesan kelemahan penguasaan kosa kata ini akan menyebabkan murid tidak dapat membina ayat yang tepat serta tidak dapat menulis karangan dengan baik serta berkualiti. Kekurangan amalan membaca serta kekurangan bahan bacaan dalam kelas merupakan antara faktor yang mempengaruhi ketidakupayaan murid menguasai kosa kata bahasa Melayu dengan lebih baik. Selain itu juga, faktor kelemahan dalam sumber bahan rujukan utama pembelajaran iaitu bahan buku teks dan buku aktiviti turut menyumbang kepada masalah penguasaan kosa kata murid. Natijahnya, murid yang



mempunyai bilangan kosa kata yang sedikit akan banyak menghabiskan masa dengan hanya meneka makna perkataan yang sukar. Keadaan ini akan menjelaskan pemikiran aras tinggi dalam kalangan murid.

Tambahan pula, terdapat permasalahan yang mana sebilangan guru yang mengajar bahasa Melayu di sekolah Tamil adalah dalam kalangan kaum mereka sendiri. Semasa dalam proses pembelajaran mereka turut menggunakan bahasa bnda untuk berkomunikasi dan juga menterjemah sesuatu perkataan. Hal ini menyebabkan berlakunya kekeliruan dalam pembelajaran bahasa terhadap murid. Selain itu juga, kaedah pengajaran yang digunakan tidak efektif. Hal ini kerana menurut (Kamarul Azmi Jasmi,Mohd Faeez Ilias, Ab.Halim Tamuri & Mohd Izham Mohd Hamzah, 2011) kaedah pengajaran tradisional seperti *chalk and talk* dan bahan maujud dilihat tidak menarik dan kurang relevan pada masa kini.



Oleh itu, pengkaji berminat untuk melaksanakan kajian terhadap keberkesanan kaedah analisis fitur bagi menambah kosa kata murid-murid Tamil. Pengkaji percaya bahawa kajian ini amat penting dan boleh memberi sumbangan dan kesan yang besar dalam sistem pendidikan negara dan khususnya dalam pembangunan dan peningkatan sistem pendidikan Bahasa Melayu itu secara khususnya.

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian ini dijalankan adalah untuk:



1. Mengenal pasti keberkesanan kaedah analisis fitur dalam menambah kosa kata murid.
2. Membandingkan jenis kosa kata murid dalam kumpulan yang mengikuti pengajaran kaedah analisis fitur dengan kaedah tradisional.
3. Mengenal pasti persepsi murid Tamil tahun dua terhadap pengajaran menggunakan kaedah analisis fitur.

1.5 Soalan Kajian

1. Apakah tahap keberkesanan kaedah analisis fitur dalam menambah kosa kata murid.
2. Apakah jenis kosa kata murid dalam kumpulan yang mengikuti pengajaran kaedah analisis fitur dengan kaedah tradisional?
3. Apakah persepsi murid Tamil Tahun dua terhadap pengajaran menggunakan kaedah analisis fitur.

1.6 Hipotesis Kajian

1. Tidak terdapat hubungan yang signifikan pencapaian ujian pra antara kumpulan kawalan yang menjalani pengajaran tradisional dan kumpulan rawatan yang menggunakan kaedah analisis fitur.
2. Ho: Tidak terdapat hubungan yang signifikan pencapaian ujian pra dan ujian pasca dalam kumpulan kawalan yang melalui pengajaran tradisional.
3. Tidak terdapat hubungan yang signifikan pencapaian ujian pra dan ujian pasca dalam kumpulan rawatan yang melalui pengajaran kaedah analisis fitur.

4. Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara ujian pasca antara kumpulan kawalan yang menjalani pengajaran tradisional dan kumpulan rawatan yang menggunakan kaedah analisis fitur.

1.7 Kepentingan Kajian

1.7.1 Murid

Kajian ini diharapkan dapat menambahkan kosa kata dalam kalangan murid khususnya di sekolah jenis kebangsaan. Seterusnya kajian ini juga mampu memupuk minat murid supaya lebih berkeyakinan untuk menulis karangan dengan menggunakan kosa kata yang luas dan bervariasi. Ini selaras dengan penilaian dalam peperiksaan UPSR format baharu yang mana aspek penggunaan kosa kata yang meluas diambil kira. Pencapaian murid dalam pembelajaran bahasa kedua iaitu mata pelajaran Bahasa Melayu juga diharap dapat dipertingkatkan dalam usaha untuk memacu kecemerlangan Bahasa Melayu di sekolah jenis kebangsaan baik di peringkat daerah mahupun peringkat negeri.

1.7.2 Guru

Bagi pihak guru pula, kajian ini diharapkan mampu memberi gambaran untuk membuat persediaan yang lebih baik semasa sesi pengajaran bahasa Melayu di sekolah rendah terutamanya kepada murid-murid Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil. Kajian ini turut membantu guru-guru dalam merancang strategi pengajaran Bahasa Melayu dengan



lebih berkesan. Penggunaan kaedah yang efektif dalam pembelajaran bahasa kedua bagi guru adalah sangat penting supaya murid dapat menguasai serta memahami proses pembelajaran tersebut.

1.7.3 PPD

Pada peringkat pejabat pendidikan daerah, hasil kajian ini diharapkan dapat dijadikan salah satu alternatif bagi meningkatkan prestasi penulisan Bahasa Melayu sekolah Jenis Kebangsaan di Ipoh. Melalui dapatan kajian ini ia dapat membantu pihak PDD menambah baik kaedah pengajaran bahasa Melayu di peringkat sekolah rendah terutamanya sekolah jenis kebangsaan. Pihak PPD juga dapat menyarankan guru-guru di Sekolah Jenis Kebangsaan untuk menggunakan kaedah ini.



1.8 Batasan Kajian

Kajian yang dijalankan ini memfokuskan kepada murid-murid tahun 2 di sebuah Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil di Ipoh, Perak. Seramai 60 orang murid perempuan akan dijadikan sebagai responden kajian. Hal ini demikian kerana sekolah yang dipilih merupakan sekolah yang terdiri daripada murid Tamil perempuan sahaja. Kajian ini hanya memfokuskan penambahan kosa kata dalam pembelajaran bahasa kedua murid perempuan sahaja. oleh yang demikian, dapatan kajian ini tidak boleh digeneralisasikan terhadap semua gender kerana kajian ini hanya memfokuskan kepada gender perempuan sahaja. Hal ini tujuan utama kajian ini adalah untuk melihat kaedah



keberkesanan analisis fitur dalam pembelajaran bahasa kedua. Hal ini kerana mengikut Hanita dan Norzani (2020) terdapat perbezaan yang ketara antara gender dalam pencapaian dalam kalangan murid sekolah. Dapatan kajian mendapati bahawa murid perempuan mempunyai prestasi akademik yang lebih baik berbanding murid lelaki. Ini disebabkan oleh murid lelaki kurang keterlibatan di sekolah serta rendah pencapaian akademik berbanding murid perempuan. menurut Lam et al.(2012) murid perempuan mempunyai keterlibatan yang lebih tinggi di sekolah dan mempunyai pencapaian akademik yang lebih baik berbanding murid lelaki. Hal ini berlaku kerana gaya serta kemahiran murid perempuan yang didapati sesuai dengan pengajaran guru dan cara persediaan diri mereka sebelum masuk ke dalam kelas. Fauziah, Rosnah dan Tengku Faekah (2012) menyatakan bahawa keterlibatan murid adalah peramal prestasi akademik. Keterlibatan murid bermaksud murid yang aktif dalam setiap aktiviti di sekolah serta bersungguh-sungguh mempelajari pelajaran di sekolah. Hal yang demikian, pengkaji lebih memilih untuk mengaplikasikan kaedah ini kepada murid perempuan kerana sikap dan keterlibatan murid perempuan di sekolah lebih baik berbanding murid lelaki. Selain itu juga, pengkaji ingin mengurangkan faktor penyebab kepada kepincangan dapatan kajian ini.

Semua responden yang dipilih adalah terdiri daripada dua kelas yang sama tahap pencapaian akademik. Dalam kajian ini, pengkaji hanya melihat aspek golongan kata nama sahaja. Kata nama merupakan satu aspek tatabahasa yang terdapat dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Rendah. Kata nama merupakan aspek morfologi yang perlu dikuasai murid sekolah di peringkat bawah sebelum mereka mempelajari komponen tatabahasa yang lain. Dalam kajian ini pengkaji akan menjalankan kajian kuasi eksperimental.

1.9 Definisi Operasional

1.9.1 Analisis Fitur

Analisis fitur adalah satu kaedah pengkategorian yang diperoleh daripada binaan struktur teori kognitif sebagai cara untuk seseorang individu itu menguruskan pengetahuannya. Secara umumnya, sebagai manusia yang memproses maklumat, satu kategori akan diwujudkan dalam struktur kognitif berdasarkan sebahagian besarnya daripada corak budaya dan pengalaman. Peraturan analisis fitur ini digubal untuk meletakkan objek sama ada perkataan atau konsep ke dalam kategori ini. Dengan cara ini, kategori saling berhubung yang diwujudkan dalam struktur kognitif supaya individu boleh mencari sistem kategori mereka iaitu pengetahuan dengan cekap untuk memahami pengalaman mereka. Relevan mengenai praktikal ini dibuat, analisis fitur ini bertujuan untuk menyediakan satu prosedur yang sistematik untuk meneroka, mengetahui dan mengukuhkan konsep pembendaharaan kata melalui penggunaan kategori yang juga dikenali sebagai fitur.

Dalam kajian ini, kaedah analisis fitur digunakan sebagai kayu ukur untuk menentukan penambahan kosa kata dalam kalangan murid bahasa kedua. Penggunaan kaedah analisis fitur yang diadaptasi oleh pengkaji telah dipermudahkan mengikut tahap pemahaman dan penerimaan responden. Pengkaji menggunakan kotak, fitur, simbol dan imej dalam memperkenalkan kaedah analisis fitur untuk menambah kosa kata kepada responden.



1.9.2 Kosa Kata

Menurut kamus Dewan Edisi Keempat (682 & 825) kosa kata ialah gabungan atau himpunan kata-kata. Kosa kata dikenali juga sebagai perbendaharaan kata dan merupakan keseluruhan kata dalam sesuatu bahasa.

Menurut Nathesan (2011) kosa kata adalah himpunan jumlah perkataan yang terdapat dalam bahasa dan ia boleh membentuk sistem leksikal dan leksikon. Kosa kata juga merupakan perkataan asas yang boleh digunakan oleh penutur ketika melalui sesuatu situasi bahasa seperti mendengar, bertutur, membaca dan menulis.

Kosa kata juga terdiri daripada kosa kata umum dan kosa kata istilah.

Penguasaan kosa kata perlu dipertingkatkan dan diperluaskan agar murid dapat menzahirkan maklumat dan idea selaras dengan penambahan ilmu dalam mata pelajaran yang dipelajari di peringkat sekolah rendah. Dalam Standard Kandungan Dan Standard Pembelajaran antara objektif dalam kemahiran membaca ialah membaca dan memahami pelbagai bahan kreatif untuk menambah ilmu pengetahuan, memperkaya kosa kata serta meningkatkan kelancaran bacaan.

Penguasaan kosa kata merangkumi kebolehan menyatakan dan memerihalkan makna atau maksud yang terdapat dalam sesuatu kata atau ungkapan bagi sesuatu aspek dan membuat perbandingan maksud atau skop maksud sesuatu kata dengan kata-kata yang lain.



1.9.3 Murid Tamil

Perkembangan bahasa Melayu dalam kalangan murid Tamil di SJKT telah bermula dari tahun 1976. Kementerian Pendidikan mewajibkan murid Tamil mengikuti kelas peralihan yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar sebelum mereka meneruskan pelajaran ke tingkatan satu. Walaupun bahasa Melayu telah diajar dari tahap satu tetapi pengaruh bahasa ibunda masih terdapat dalam pembelajaran bahasa Melayu hingga kini. Sepanjang 44 tahun (1976 hingga 2020) proses pengembangan bahasa Melayu dalam kalangan murid Tamil di SJKT telah melalui tiga peringkat pengembangan bahasa iaitu peringkat pengabjadan, penyeragaman dan pemodenan (Ubaidullah, N.H., Mahadi, N., dan Ching, L.H, 2013). Pengabjadan bermaksud usaha mencipta satu sistem ejaan bagi bahasa-bahasa yang belum mempunyai ejaan. Penyeragaman ialah proses mengadakan norma-norma umum yang mengatasi sifat-sifat dialek, sama ada sifat-sifat kedaerahan atau sosial. Pemodenan pula dihubungkan dengan proses mencapai taraf saling menterjemah dengan bahasa lain dalam sebanyak mungkin jenis penggunaan bahasa sesuai dengan keadaan zaman sekarang.

Tiga peringkat pengembangan bahasa telah memberi kesan dalam pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan murid Tamil misalnya di peringkat pengabjadan , perbezaan generasi lama yang masih mengekalkan sistem ejaan rumi lama manakala generasi muda mula menggunakan sistem ejaan rumi baharu. Seterusnya, di peringkat penyeragaman norma-norma baku bahasa Melayu mula diperkenalkan terhadap murid-murid Tamil. Walau bagaimanapun, unsur idiolek murid-murid menjadi penghalang untuk mereka bertutur dalam bahasa Melayu dengan



fasih. Di peringkat pemodenan usaha-usaha telah dilakukan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka untuk menyerap beberapa kata bahasa Tamil ke dalam kosa kata bahasa Melayu. Kesimpulannya, pengembangan bahasa Melayu dalam kalangan murid Tamil masih lagi di peringkat yang tidak memuaskan.

Berdasarkan kajian ini, pengkaji telah memilih responden yang berketurunan India kerana di Malaysia semua kaum diberikan hak untuk menerima pendidikan yang selaraskan dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia. Oleh itu, bagi memantapkan penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan murid Tamil pengkaji telah menggunakan satu kaedah analisis fitur untuk menambahkan kosa kata. Hal ini kerana bahasa Melayu adalah bahasa kedua bagi mereka.



1.10 Kesimpulan

Bab ini membincangkan sebab dan tujuan kajian ini perlu dilaksanakan berdasarkan masalah-masalah yang telah dinyatakan sebelum ini. Selain itu, bab ini juga telah menyatakan persoalan dan hipotesis kajian oleh pengkaji yang akan dijawab di akhir kajian ini. Setiap boleh ubah yang terlibat dalam kajian telah diterangkan secara terperinci. Kesimpulannya, kajian ini menunjukkan secara terperinci tentang kaedah analisis fitur yang dapat menambah kosa kata murid Tamil tahun 2. Semoga kajian ini dapat mendatangkan impak yang besar dalam dunia pendidikan terutama bagi murid Sekolah Jenis Kebangsaan dan dapat menjadi panduan kepada semua pihak untuk meningkatkan mutu pengajaran bahasa Melayu khususnya.

